

SASTERA DAN BUDAYA PEMANGKIN PERADABAN NEGARA BANGSA

KONVENSYEN SEJARAH DAN PERPADUAN NASIONAL (KSPN) 2024

ANJURAN

ARKIB NEGARA MALAYSIA

20 SEPTEMBER 2024

OLEH


SN DATO' DR. ANWAR RIDHWAN



Pengalaman Peribadi yang Ingin Dilupakan



KARYA YANG MERAKAM PENGALAMAN



www.kawahbukti.com

CIRI UMUM PERADABAN

Mana-mana masyarakat kompleks yang dicirikan oleh pembangunan negara, stratifikasi sosial, urbanisasi, dan sistem simbolik komunikasi di luar bahasa yang disuratkan atau dituturkan.

JUMLAH PENDUDUK RAMAI	PELBAGAIU BANGSA/SUKU BANGSA
ADA SISTEM PERCUKAIAN	ADA BANGUNAN AGAM/HEBAT
BANGSAWAN & PENTADBIR NEGARA TIDAK MELAKUKAN KERJA MANUAL SPT PERTANIAN DLL	MEMPUNYAI SISTEM TULISAN
BERKEMBANG ILMU PENGETAHUAN	PERDAGANGAN ANTARABANGSA
PUJANGGA MENDAPAT NAUNGAN UNTUK BERKARYA (SASTERA)	SENI DAN BUDAYA TURUT BERKEMBANG

BAHASA MEMULAKAN SASTERA, BUDAYA DAN SEGALANYA

BAHASA merupakan cerminan kebudayaan dan tamadun sesuatu bangsa
(Awang Sariyan, 2018:33)

Zaman mula bangkitnya tamadun Melayu kurun ke-7 Masihi.

Kerajaan Campa, Langkasuka, Sriwijaya, Majapahit, Melaka

Bahasa Melayu kuno (pengaruh Sanskrit), klasik (zaman Melaka), baharu
(tatabahasa berakar daripada Bahasa Melayu klasik).

Francois Valentijn (abad ke-16) : BM di seluruh kepulauan Melayu, negeri timur,
seperti Bahasa Perancis dan Latin di Eropah, dari Parsi hingga ke Filipina.

SASTERA

PEMANGKIN PERADABAN NEGARA BANGSA

Peradaban sesuatu bangsa melalui proses yang panjang dalam pelbagai bidang kehidupan sehingga mempiawaikan sesuatu yang unggul dalam bentuk yang tampak (*tangible*) atau yang tidak ketara (*intangible*). Peradaban negara bangsa tidak sahaja diukur melalui pencapaian kemajuan teknologi dan fizikal seperti bangunan agam dan prasarana canggih, malahan juga dari bidang sastera dan budaya yang menjadi jiwa kepada anggota masyarakatnya. Sastera membantu kita lebih **memahami kehidupan, diri kita sendiri, dan dunia di sekeliling** kita.

Pertemuan dengan sastera mengembangkan konsep **mengenali yang lain, imaginasi, dan empati**, iaitu tiga unsur kewujudan pengalaman manusia yang penting

LIMA PRINSIP KARYA BERMUTU

[Cassius Longinus]

PEMIKIRAN
HEBAT

EMOSI YANG
INTENS

KOMPOSISI
KEMAS

DIKSI DAN
METAFORA
SESUAI

GAYA BAHASA
YANG TEPAT

Sastera dan Peranan Sastera (Muhammad Haji Salleh)

Kesusasteraan ialah ucapan signifikan dan penting manusia di negara ini, yang tumbuh dari bahasa dan keperluan untuk menyampaikan maknanya kepada khalayak dan semuanya `yang kemudian daripada kita.'

Sastera ialah catatan dan pengajaran sejarah yang dilalui bangsa itu, sastera ialah undang-undang dan peribahasa masyarakatnya, sastera ialah adat istiadat, sastera ialah kearifan tempatan atau kebijaksanaan asli sesuatu bangsa.

Sastera melukis jati diri, menjadi tanda pengenal, kecanggihan merasa dan berhubungan. Sastera melukis falsafah alam dan hidupnya, rupa jiwanya.

Dan sastera juga ialah bunga tercantik dalam taman bahasa yang indah.

SETIAP NEGARA BESAR ADA KARYA SASTERA BESAR

KARYA AGUNG MELAYU

(*HIKAYAT HANG TUAH, SULALAT AL-SALATIN*)

PANTUN MELAYU

SASTERA MELAYU MODEN

(KARYA PAK SAKO, A. SAMAD ISMAIL, SASTERAWAN NEGARA, SEA WRITE AWARD
DLL)

SASTERA MELAYU DAN SUMBANGAN PENULIS PELBAGAI KAUM

SASTERA MAHUA



Sastera Kebangsaan Menerima Sumbangan Penulis Pelbagai Kaum



KETURUNAN CINA

- Jong Chian Lai
- Lim Swee Tin
- Lai Choy
- Lim Kim Hui
- Cheng Poh Hock
- Selina Sf Lee



KETURUNAN SIAM/ASLI

- Mahat Anak China
- Eh Deng Eh Chik
- E Pian Pro Poul
- Eh Pon Awang Din
- Praset Eh Chai
- Suwanlerd Pro Poul
- E.K. Somchit



INDIA/ KADAZAN/IBAN

- Joseph Selvam
- Raja Rajeswari
- Saroja Theavy
- Livis Empanang Taka
- Henry Bating
- Witer Gunik
- Luciana Benjamin
- Olivia Babai

Mahua : “Nyanyian buat Pertiwi” – Wu Tiancai

Suria cemerlang di langit tanah air

Bercahaya tanah yang perkasa dan indah

Bayu meniupi pisang, hujan menimpa kelapa

Menyuburkan sumber daya alam negara

kuhidup di tanah yang begitu indah

mendung cerah negara, mendung cerahku

elok dan bencana negara terikat kuat denganku

hidup mati tanah sehidup semati denganku

Tanah Melayu- tempat tumpah darahku

Air sungai menyanyikan lagu gembira

Banjaran gunung mempamerkan muka manis

Irama perkasa berdendang di lading getah

aib negara aibku

gah negara juga gahku

wahai tanah air tercinta

kecualimu

ku tidak akan memuja sesiapa

(Terjemahan : Yuen Boon Chan)

Jayalakshmi a/p Thanggarajoo

“Bangganya Menjadi Kaum Hawa”

Kini, kaum hawa dengan bangganya
dapat mendabik dada
kerana bebas daripada dibelenggu oleh kaum Adam
dan diberikan sama taraf dengan kaum Adam
untuk mengembangkan bakat terpendam
dan berpeluang mengukir nama di persada dunia ...

Rozeline Vitalis

“Cintailah Dirimu”

Cintailah dirimu

kerana engkau amat bermakna di mata Tuhan

janganlah masuki lembah jurang

dan jangan tergoda dengan keindahan duniawi

yang penuh hipokrit

dan membuat engkau tersungkur ke jurang penuh terjal

Rasimi Linggang “Dunia”

Dunia ini unik

terbina daripada tiang realiti dan fantasi

yang kadang bertemu dalam mimpi

terjalin dalam angan-angan

dan terlerai dalam kenyataan.

Kadang menghidangkan keinginan

yang menewaskan secangkir keimanan

dalam menatang sedulang kepercayaan

tika gelegak nafsu menghempas badai serambi malam

BUDAYA

PEMANGKIN PERADABAN NEGARA BANGSA

Sesuatu kelompok masyarakat bermula daripada unit yang kecil, yang hidup bersama di sesuatu penempatan. Daripada suatu kelompok yang kecil lama kelamaan ia berkembang menjadi kelompok yang lebih besar, menjalani kehidupan dengan aturan dan cara tertentu. Aturan dan cara tertentu itu diistilahkan sebagai adat dan budaya.

Melalui kajian budaya kita memahami konsep yang merangkumi tingkah laku sosial, institusi, dan norma yang terdapat dalam masyarakat manusia, serta pengetahuan, kepercayaan, kesenian, undang-undang, adat resam, keupayaan, dan tabiat individu dalam kumpulannya.

LIMA PERINGKAT ADAT (Zainal Abidin Borhan)

Pertama, adat yang sebenar adat, iaitu suatu hukum alam.

Kedua, adat yang diadatkan, iaitu adat yang dikonsepsikan sebagai hidup berperaturan, berundang-undang.

Ketiga, adat yang teradat, dimaknakan bahawa di dalam kehidupan ini ada prinsip permuafakatan, berdasarkan kata *adat patah tumbuh hilang berganti*.

Keempat, adat istiadat, bahawa di dalam hidup manusia terdapat saat-saat penting yang cukup bermakna yang ditempuhi.

Kelima, adat resam, iaitu kebiasaan atau kelaziman yang dilakukan oleh manusia dari segi perlakuan, berpakaian, adat berbahasa dan sambaan cakap, makan minum, menghias diri, adat bertegur sapa, adat bergaul, adat berkawan dan sebagainya.

BUDAYA NILAI TINGGI DALAM MASYARAKAT

Budaya nilai tinggi ialah istilah yang merujuk kepada aspek budaya (material dan bukan material) yang dianggap unggul.

Lazimnya dikaitkan dan digunakan oleh golongan elit masyarakat.

Budaya nilai tinggi biasanya melibatkan kepentingan sejarah, intelek, dan falsafah.

Budaya tinggi juga berkaitan dengan budaya konteks tinggi, yang menekankan hubungan interpersonal dan keharmonian berbanding pencapaian individu.

Budaya nilai tinggi berbeza dengan budaya rendah atau budaya popular.

SILANG BUDAYA DALAM KONTEKS MALAYSIA

Kajian silang budaya, kadangkala dipanggil kajian holokultur atau kajian perbandingan, ialah pengkhususan dalam antropologi dan sains kemanusiaan seperti sosiologi, psikologi, ekonomi, dan sains politik yang menggunakan data lapangan daripada anggota masyarakat melalui kajian perbandingan untuk mengkaji skop tingkah laku, serta hipotesis tentang tingkah laku dan budaya manusia.

Tuhan Mencipta Manusia Pelbagai Bangsa (Sumber : Al-Quran)

Surah Al-Hujurat ayat ke 13 yang bermaksud: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain).

3 MATLAMAT DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

1. Mengukuhkan perpaduan kaum melalui kebudayaan kebangsaan;
2. Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan;
3. Memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosioekonomi.

9 PERANAN KEBUDAYAAN DALAM MEMBENTUK NEGARA MAJU

1. Membina bangsa Malaysia yang bersatu padu;
2. Membina masyarakat berjiwa bebas, tenteram dan berkeyakinan;
3. Memupuk dan membina masyarakat demokratik yang matang;
4. Mewujudkan sebuah masyarakat yang bermoral dan beretika;
5. Mewujudkan masyarakat yang matang, liberal dan toleransi;
6. Membina masyarakat yang maju dan saintifik;
7. Mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya penyayang;
8. Menjamin sebuah masyarakat yang adil dan saksama ekonominya; dan
9. Memupuk dan membina masyarakat makmur

MALAYSIA MADANI & SILANG BUDAYA

MISI : Matlamat kita adalah untuk mengubah Malaysia menjadi negara yang lebih makmur dan maju berteraskan 6 nilai MADANI melalui kepercayaan antara kerajaan dengan rakyat, dasar ketelusan dan kerjasama.

VISI : Mencorak masa hadapan Malaysia dengan segala potensi yang ada dengan mengambil kira segala bentuk perubahan yang mengubah dunia, dan bercita-cita mengemudi Malaysia dalam zaman pasca normal yang serba rumit melalui laras bahasa, konsep dan budaya kearifan tempatan.

SEKIAN SAHAJA

TERIMA
KASIH